



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Rujukan Kami : UPNM (P) 01.03/06 Jld. 2 (14)
Tarikh : 30 September 2019

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Dato' / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 2 TAHUN 2019
PEMAKAIAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA KRISTIAN DI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2 Tahun 2019 yang telah bersidang pada 23 April 2019 mengenai pemakaian Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Good Friday bagi pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), menerusi surat edaran bertarikh 17 April 2019 telah mengeluarkan kebenaran agar pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2 Tahun 2019 bertarikh 23 April 2019 telah bersetuju meluluskan pemakaian Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Good Friday bagi pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

3.0 KELAYAKAN

Semua pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian layak diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019 kecuali bagi pegawai perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan Good Friday adalah merupakan hari kelepasan am.

4.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan kemudahan Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Good Friday adalah seperti yang berikut:

- a. Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Good Friday diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian;
- b. Cuti Tanpa Rekod ini adalah tertakluk kepada satu (1) hari sahaja iaitu pada tarikh perayaan Good Friday setiap tahun;
- c. sekiranya tarikh perayaan Good Friday adalah pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, pegawai adalah tidak layak untuk menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod

ini pada tahun tersebut atau menggantikan kepada tarikh lain dalam tahun yang sama;

- d. Cuti Tanpa Rekod ini adalah diberikan sekali sahaja (*one-off*) pada tahun semasa. Sekiranya tempoh Cuti Tanpa Rekod ini tidak digunakan pada tarikh perayaan Good Friday tahun semasa, cuti ini tidak boleh dibawa ke hadapan;
- e. permohonan Cuti Tanpa Rekod yang dikemukakan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A** bagi kelulusan Ketua Jabatan; dan
- f. Ketua Jabatan hendaklah memastikan Cuti Tanpa Rekod yang diluluskan ini dimajukan kepada pihak Jabatan Pendaftar bagi tujuan direkod di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Jabatan Pendaftar ini berkuat kuasa mulai **19 April 2019** bagi tahun 2019 manakala bagi tahun-tahun yang akan datang **adalah tertakluk kepada tarikh perayaan Good Friday**.

6.0 PEMAKAIAN

Pemakaian pekeliling ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan, maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi melantik yang baharu.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Yang benar,



SARINA BINTI ABDUL RANI

Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld.9 (13)

17 April 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT
AGAMA KRISTIAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019 kecuali bagi pegawai perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan Good Friday adalah merupakan hari kelepasan am.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)





JABATAN PENDAFTAR

Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur

Tel : 03-90513400
Fax : 03-90581536

<http://www.upnm.edu.my>



Kewajipan, Maruah, Integriti

MS ISO 9001:2008 REG NO KLR -0500197

**BORANG PERMOHONAN
CUTI TANPA REKOD**

1. BUTIR-BUTIR PEMOHON

Nama : _____
 No. Staf : _____
 Jawatan : _____
 Gred Jawatan : _____
 Alamat Jabatan/Fakulti/ : _____
 Bahagian/Pusat/Unit : _____

2. BUTIR PERMOHONAN CUTI TIDAK BEREKOD

Jumlah Cuti Dipohon : _____
 Tempoh Cuti : Dari _____ hingga _____
 Tujuan Cuti : _____
 Pengajur (sertakan : _____
 Salinan surat atau : _____
 dokumen yang berkaitan : _____

3. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar.

Tarikh : _____

(Tandatangan Pemohon)

4. PENGESAHAN KETUA PTj

Disahkan butir-butir permohonan di atas adalah benar.
 Permohonannya adalah * **Dilulus / Tidak diluluskan**.

Ulasan (sekiranya ada) :

Tarikh : _____

Tandatangan Ketua PTj : _____

Nama Pegawai : _____

Jawatan : _____

Jabatan/Fakulti : _____

- Nota : a. Perintah Am - Bab C (Cuti).
 b. * Potong mana yang tidak berkenaan.
 c. Sila sertakan satu salinan surat pengesahan.